

*Kiasan,*  
*Kognitif*  
**dan**  
*Akal Budi*  
**Melayu**

**NOR HASHIMAH JALALUDDIN**  
**MASLIDA YUSOF**

Cetakan Pertama / *First Printing*, 2018  
Hak Cipta / *Copyright* Universiti Kebangsaan Malaysia, 2018

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran daripada Penerbit UKM terlebih dahulu

*All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical, including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from  
Penerbit UKM.*

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*  
PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
43600 UKM Bangi, Selangor D.E., Malaysia  
<http://www.ukm.my/penerbit>  
e-mel: [penerbit@ukm.edu.my](mailto:penerbit@ukm.edu.my)

Penerbit UKM adalah anggota / *is a member of the*  
MAJLIS PENERBITAN ILMIAH MALAYSIA /  
MALAYSIAN SCHOLARLY PUBLISHING COUNCIL  
PERSATUAN PENERBIT BUKU MALAYSIA /  
MALAYSIAN BOOK PUBLISHERS ASSOCIATION  
No. Ahli / Membership No. 198302

Dicetak di Malaysia oleh / *Printed in Malaysia by*  
REKA CETAK SDN. BHD.  
No. 12 & 14, Jalan Jemuju Empat 16/13D,  
Seksyen 16, 40200 Shah Alam,  
Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA

Diatur huruf di Malaysia oleh / *Typesetting in Malaysia by*  
MASSA CREATIVE ENTERPRISE  
No. 29, Jalan 10/9  
Taman Shamelin Perkasa  
56100 Cheras, Kuala Lumpur

Perpustakaan Negara Malaysia

Data-Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Kiasan, Kognitif dan Akal Budi Melayu/ disunting oleh

Nor Hashimah Jalaludin, Maslida Yusof

1. Malay literature--History and criticism.

2. Government publications--Malaysia.

I. Nor Hashimah Jalaludin, Prof. Dr.

II. Maslida Yusof, Prof. Madya, Dr.

899.2809

ISBN 978-967-412-643-8

# Kandungan

---

Senarai Jadual, Rajah & Foto ... 7  
Prakata ... 9

- Bab 1   Pendahuluan ... 11  
*Nor Hashimah Jalaluddin & Maslida Yusof*
- Bab 2   Peribahasa dan Akal Budi Melayu ... 18  
*Nor Hashimah Jalaluddin*
- Bab 3   Unsur Alam dalam Pantun Peribahasa Bahasa Melayu ... 50  
*Salinah Jaafar*
- Bab 4   Perkaitan Kognisi Penutur dengan Kata dan Konsep Budaya  
Hidup Masyarakat dalam Peribahasa ... 70  
*Zaitul Azma Zainon Hamzah*
- Bab 5   Metafora Garam dalam Peribahasa Melayu ... 87  
*Maslida Yusof*
- Bab 6   Konsep ILMU dalam Simpulan Bahasa dan Peribahasa Melayu:  
Analisis Semantik Kognitif ... 106  
*Khazriyati Salehuddin*
- Bab 7   Proses Pengadunan Metafora Melayu Berteraskan Teori  
Blending ... 126  
*Anida Sarudin*
- Bab 8   ‘ikan di laut asam di darat, di dalam kualiti bertemu jua’:  
Analisis Semantik Inkuisitif ... 148  
*Junaini Kasdan, Nor Hashimah Jalaluddin & Julaina Nopiah*
- Bab 9   Herba dalam Peribahasa Melayu: Kajian Akal Budi  
Melayu ... 169  
*Nur Shazwanie Wakimin & Nor Hashimah Jalaluddin*

Bab 10 Unsur Tajam dan Berangin dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif ... 189  
*Julaina Nopiah, Nor Hashimah Jalaluddin & Junaini Kasdan*

Bab 11 'Si Cerdik dan Si Bodoh' Dalam Peribahasa Melayu : Analisis Semantik Inkuisitif ... 209  
*Fitri Norhadi Jahani & Nor Hashimah Jalaluddin*

Rujukan ... 235

Senarai Penyumbang ... 251

Indeks ... 253

# Unsur Tajam dan Berangin dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif

Julaina Nopiah  
Nor Hashimah Jalaluddin  
Junaini Kasdan

## Pengenalan

Masyarakat Melayu sememangnya terkenal dengan kelembutan dan kehalusan dalam berbahasa. Segala bentuk nasihat, teguran mahupun permintaan tidak dinyatakan dengan cara berterus terang, sebaliknya diungkapkan secara berkias dan berlapik agar kelihatan lebih sopan. Salah satu cara berkias masyarakat Melayu adalah melalui peribahasa. Selain melambangkan kata-kata yang penuh dengan kiasan, peribahasa juga menitikberatkan kesantunannya ketika dituturkan. Dalam bahasa kiasan inilah tersimpannya pemikiran Melayu yang banyak dipengaruhi oleh alam fizikal dan persekitaran serta peraturan sosial komuniti penuturnya (Asmah 2008). Penyisipan bahasa kiasan dalam komunikasi orang Melayu menjadikan bahasa itu hidup dan lebih menarik untuk didengar dan dipelajari kerana bahasa menjadi wahana untuk membawa nilai Melayu merentasi waktu dari generasi ke generasi. Bahasa kiasan seperti peribahasa merupakan salah satu cabang yang memperlihatkan pemikiran orang Melayu lama yang masih terikat dengan adat istiadat. Menurut Awang Sariyan (1992), peribahasa dalam sesuatu bahasa mempunyai peranan yang istimewa, bukan sekadar memperkaya khazanah bahasa, bahkan lebih penting, iaitu dengan memancarkan pandangan hidup, nilai, sikap, cara berfikir, dan kepekaan orang terhadap akal budi masyarakat pengguna bahasa itu.

Budaya berbahasa secara berkias mempunyai perkaitan yang rapat dengan kehidupan dan manusia mempunyai kebolehan untuk mencerap alam semula jadi secara rasional dan memancarkan idea-idea dalam bentuk bahasa yang lain. Bahasa kiasan terdapat dalam semua bahasa di dunia termasuk bahasa etnik yang kebanyakannya


menggunakan unsur alam dan budaya sebagai teras analoginya. Salah satu medium masyarakat Melayu untuk berkias adalah melalui peribahasa. Peribahasa lahir dan dicetuskan akibat kejadian, pengalaman dan pengamatan masyarakat sejak zaman-berzaman dan disebarkan dengan cara dituturkan dari mulut ke mulut dan daripada satu generasi ke generasi lain. Mohd Ali (1986) berpendapat bahawa semakin maju manusia dan matang daya fikirannya, maka semakin bertambah bilangan bahasa kiasan dan sindiran yang digunakan. Ungkapan kelompok kata-kata yang tetap susunannya dan lazim mengandungi maksud tertentu sudah menjadi darah daging masyarakat. Secara mudahnya, peribahasa dapat disimpulkan sebagai satu rumusan ringkas dan padat yang mengandungi kebijaksanaan sesuatu bangsa melalui tafsiran terhadap sesuatu objek atau lambang yang wujud di persekitaran mereka.

Ketinggian budaya pemikiran masyarakat Melayu boleh dilihat melalui cara mereka mengolah sesuatu objek dalam peribahasa bagi menyampaikan sesuatu mesej yang berguna. Setiap peribahasa yang dicipta menggambarkan situasi atau pengalaman dalam sesuatu kejadian bagi sang penciptanya. Salah satu pemikiran Melayu yang boleh diteroka adalah melalui penciptaan peribahasa Melayu berobjekkan pemakanan. Ciri-ciri menarik yang terdapat pada pemakanan Melayu boleh dilihat melalui kewujudan pelbagai unsur dalam makanan, misalnya unsur sejuk, panas, tajam, berangin, bisa dan gatal. Setiap objek makanan yang terdapat dalam setiap unsur tersebut mempunyai pengaruh terhadap aspek pemakanan dalam peribahasa. Di sebalik peribahasa yang dicipta, tersirat falsafah, sama ada dari segi sikap, emosi atau tingkah laku masyarakatnya.

## Peribahasa dan Elemen Pemakanan

Berdasarkan *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu* (1975) dan laman web [www.malaycivilization.ukm.my](http://www.malaycivilization.ukm.my), sebanyak 7.7 peratus daripada kandungan keseluruhan peribahasa menjadikan makanan sebagai objek perlambangan. Daripada lebih kurang 600 peribahasa yang berobjekkan makanan, pengkaji telah mengelompokkan data kepada makanan yang mempunyai unsur pemakanan Melayu. Daripada jumlah itu, sebanyak 500 peribahasa telah dikenal pasti mengandungi

enam unsur dalam pemakanan Melayu, iaitu sejuk, panas, angin, tajam, bisa dan gatal. Rajah 10.1, menunjukkan jumlah dan peratusan peribahasa Melayu yang berobjekkan enam unsur dalam pemakanan Melayu.



RAJAH 10.1: Peratus jumlah peribahasa mengikut unsur makanan

Kajian ini berjaya mengelompokkan sebanyak 187 peribahasa (38.0%) mengandungi pembayang unsur panas 107 (21.0%) peribahasa mengandungi unsur sejuk, manakala sebanyak 88 (18.0%) peribahasa mengandungi objek makanan berangin sebagai perlambangannya. Selain itu, sebanyak 61 (12.0%) peribahasa dikenal pasti mengandungi objek makanan berunsur tajam, 40 (8.0%) peribahasa berobjekkan makanan berunsur gatal, dan 16 (3.0%) peribahasa dikenal pasti mengandungi makanan berunsur bisa sebagai pembayangannya.

Bagi menjelaskan falsafah dan akal budi yang didukung oleh setiap unsur pemakanan yang dinyatakan, kajian ini memanfaatkan pendekatan semantik inkuisitif, iaitu pendekatan yang berasaskan semangat ingin tahu serta dorongan untuk terus meneroka dan mencari jawapan bagi perkara sebenar yang dimaksudkan oleh sesuatu ungkapan (Nor Hashimah 2014). Semantik inkuisitif mengambil kira data autentik, semantik dan konteks, kognitif penutur, budaya dan akhirnya dikaitkan dengan akal budi penuturnya. Bagi menghuraikan makna peribahasa dengan lebih lanjut, peribahasa yang berkaitan akan dianalisis menggunakan rangka rujuk silang (RRS) dalam teori Relevans. Gabungan RRS dengan maklumat budaya mendalam mampu menghasilkan penghuraian makna kiasan Melayu.

## Unsur Tajam dan Berangin

Bab ini menumpukan perbincangan terhadap dua unsur makanan sahaja, iaitu makanan berunsur tajam dan berangin. Berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh Institut Kajian Perubatan Malaysia bagi kategori ibu mengandung, antara makanan yang termasuk sebagai makanan 'tajam' ialah tebu, mangga, tapai, rebung, kelapa muda dan nanas. Makanan dalam kumpulan unsur ini juga dilarang pengambilannya semasa dalam peringkat awal kehamilan kerana dipercayai boleh menyebabkan keguguran. Makanan ini juga dilarang pengambilannya oleh ibu yang masih menyusukan bayi. Hal ini kerana pengambilan makanan yang berunsurkan tajam boleh menyebabkan bayi mengalami cirit-birit (Che Wan Jasimah 2000).

Makanan berangin pula lazimnya dikaitkan dengan masalah kembung perut. Sakit perut kebiasaannya akan dikaitkan dengan tabiat pemakanan yang tidak betul. Selain tidak menjaga masa makan dengan betul, masyarakat Melayu akan mengaitkannya dengan makanan berangin. Pengambilan makanan berangin akan memberikan kesan tidak baik terhadap kesihatan pemakannya, terutamanya jika seseorang itu menghadapi penyakit ulu hati. Dari segi sains, kembung perut terjadi apabila gas berlebihan di dalam perut dan usus (Shariffah Suraya 2013). Kembung perut juga boleh terhasil daripada penghasilan gas karbon dioksida dan hidrogen oleh bakteria usus, akibat pemecahan karbohidrat dan protein. Selain kembung perut, pengambilan makanan berangin ini juga turut menyebabkan seseorang itu kerap sendawa, pening, mual, senak perut dan cirit birit.

Bagi memastikan skop kajian dihuraikan dengan lebih jelas dan terperinci, setiap bahagian analisis dan perbincangan akan menumpukan terhadap satu objek makanan bagi setiap unsur makanan yang terdapat dalam peribahasa Melayu. Hal ini adalah untuk mengelakkan percanggahan serta kelewahan data yang menyebabkan kajian menjadi kurang bermutu serta hasil kajian boleh dipertikaikan. Oleh yang demikian, sebanyak dua makanan yang akan difokuskan dalam ruangan ini, iaitu rebung mewakili makanan berunsur tajam, manakala ubi gadung mewakili makanan berunsur angin.



## Rebung Makanan Berunsur Tajam

Keadaan iklim khatulistiwa yang panas dan lembab sepanjang tahun membolehkan pertumbuhan dan kehidupan beraneka spesies flora dan fauna. Antara flora yang amat sesuai dengan iklim sedemikian ialah buluh. Buluh diklasifikasikan dalam subkeluarga '*bambusoideae*' daripada keluarga rumput '*graminea*' (Mohd Noor Ismail 1990). Tunas buluh yang masih muda dipanggil sebagai 'rebung' (*bamboo shoots*). Bagi masyarakat Melayu, rebung biasanya dimasak sebagai gulai lemak cili padi, digoreng dan kadangkala dimasak bersama-sama daging lembu atau perut lembu. Selain kelazatan dan keenakan rebung dalam masakan, rebung juga boleh dinikmati sebagai ulam, dimakan dengan sambal. Namun, sebelum dapat dinikmati, rebung tersebut hendaklah direbus terlebih dahulu. Walaupun rebung enak untuk dimakan tetapi bagi masyarakat Melayu, rebung dianggap makanan yang tajam dan dilarang untuk dimakan dalam keadaan-keadaan tertentu. Disebabkan akrabnya makanan ini dengan masyarakat Melayu, maka tidak hairan apabila sumber alam ini banyak ditemukan dalam peribahasa Melayu. Jadual 10.1 adalah senarai contoh peribahasa Melayu yang berobjekkan 'rebung'.

JADUAL 10.1 Contoh Peribahasa berobjekkan 'rebung'


Peribahasa	Makna
Rebung tidak jauh dari rumpun. dengan orang tuanya.	Tabiat anak tak akan jauh berbeza
Rebung tak miang, bemban pula miang.	Orang yang bersangkutan berdiam diri, sedang orang luar ikut campur.
Sedang rebung baik dipatah, jadi buluh melepuh jari.	Masa kecillah diajar dan dididik, jangan ditunggu sampai sudah besar.

Sumber: [www.prpm@dbp.gov.my](http://www.prpm@dbp.gov.my)

Berdasarkan data yang diperoleh, sebanyak 16 (3.2%) peribahasa ditemui mengandungi rebung sebagai objek. Berdasarkan Jadual 10.1, ketiga-tiga peribahasa yang mengandungi elemen rebung yang disenaraikan merupakan ungkapan yang mengandungi makna implisit

serta mengetengahkan ciri-ciri yang tidak baik dalam elemen maknanya. Ciri-ciri negatif yang dikandungi oleh rebung dalam peribahasa adalah disebabkan oleh pengaruh tabiat tumbuhan induknya, iaitu buluh. Hal ini boleh dilihat daripada contoh peribahasa ‘rebung tidak jauh dari rumpun’, yang menunjukkan persamaan sifat rebung dan buluh secara lahiriah. Pengaruh unsur ‘tajam’ dalam rebung telah dinukilkan dalam peribahasa bagi menggambarkan maksud ‘ancaman’ yang merujuk kepada sesuatu yang tidak baik, yang menjadi tabiat rebung dan buluh.

Berdasarkan contoh yang diuraikan, dapat dikatakan bahawa ketiga-tiga peribahasa tersebut menunjukkan perkaitan antara konsep ‘tajam’ yang menjadi sifat rebung dengan makna peribahasa secara harfiahnya. Kesemua peribahasa ini menonjolkan ciri-ciri ‘tajam’ yang berupa ‘ancaman’. Bagi tujuan analisis, perbincangan pada peringkat ini akan menumpukan peribahasa ‘rebung tidak jauh dari rumpun’, yang membawa makna ‘tabiat anak tak akan jauh berbeza dengan orang tuanya.’ Rajah 10.2 yang berikut merupakan gambaran yang tentang proses yang memotivasikan kognitif penutur Melayu dalam mencipta peribahasa ini.



RAJAH 10.2: Gambaran proses kognitif peribahasa ‘rebung tidak jauh dari rumpunnya’

Berdasarkan Rajah 10.2, terdapat beberapa proses kognitif yang memotivasikan sesuatu elemen dalam peribahasa 'rebung tidak jauh dari rumpunnya'. Peribahasa ini jelas merujuk maknanya kerana menggunakan analogi yang hampir serupa, iaitu tabiat atau sifat. Jika diteliti, peribahasa ini menunjukkan pemikiran orang Melayu yang cuba menyindir seseorang dengan ungkapan yang begitu mudah difahami dan sangat halus sifat penyampaian, iaitu dengan menunjukkan tabiat atau sifat yang dibawa oleh anak-anak merupakan cerminan ibu bapa mereka. Berdasarkan ungkapan peribahasa 'rebung tidak jauh dari rumpunnya', leksikal rebung telah menggagaskan makna 'anak', manakala ungkapan 'rumpunnya' pula telah menggagaskan makna 'orang tua'. Dalam konteks ini, rumpun dalam ungkapan peribahasa tersebut bermaksud buluh yang merupakan nama bagi rebung apabila sudah tua. Peribahasa ini diklasifikasikan sebagai peribahasa sindiran, berdasarkan ciri-ciri utama tumbuhan buluh. Secara fitrahnya buluh merupakan tumbuhan yang bersifat keras, mempunyai rongga ditengahnya. Buluh boleh didapati dalam dua bentuk pertumbuhan, iaitu monopodial (berbatang tunggal) dan simpodial (berumpun). Walau bagaimanapun, keseluruhan buluh di Malaysia tergolong dalam bentuk simpodial, iaitu secara berumpun (Mohd Noor 1990). Sifat kulit buluh yang keras dan mempunyai rongga di tengahnya mendorong masyarakat Melayu menjadikannya sebagai acuan memasak lemang. Fizikal buluh yang tinggi pula, mewajarkan tumbuhan ini dijadikan galah untuk menjolok dan mengait buah-buahan yang tinggi. Selain terkenal dengan kegunaan tertentu, buluh juga sering dikaitkan dengan 'tajam' melalui sembilurnya. Pemerhatian ciri-ciri 'tajam' yang ada dalam buluh ini telah dinukilkan oleh masyarakat Melayu sebagai rebung. Walaupun rebung enak dimakan ketika dijadikan sayuran, namun rebung tidak terkecuali daripada ciri-ciri 'tajam' seperti yang terdapat dalam 'miang'nya serta tidak dibenarkan memakannya dalam keadaan-keadaan tertentu. Pemerhatian terhadap persamaan ciri-ciri yang ada dalam rebung dan buluh menyebabkan mereka menggagaskan peribahasa 'rebung tidak jauh dari rumpunnya' dengan makna 'tabiat anak tak akan jauh berbeza dengan orang tuanya'.

Berikut pula merupakan contoh penggunaan leksikal 'rebung' yang diperoleh daripada data korpus, yang seterusnya diterapkan melalui pemetaan RRS.

- (i) “Hati-hati sikit sebab \*\*\*rebung\*\*\* tu tajam, takut sakit perut nanti”. Ujar Megat Jazlan kepada Siti sambal menggosok-gosok kakinya yang masih lenguh.  
[Bukan Salah Cinta, 2014]
- (ii) “...dulu ayahnya penagih dadah, keluar masuk lokap, sekarang anak dia pula. \*\*\*Rebung memang tak jauh dari rumpun\*\*\*nya”.  
ujar Mak Ngah.  
[Bahana 1992]

Ayat (i) merupakan contoh penggunaan ‘rebung’ yang terdapat dalam data korpus. Dalam ayat tersebut, leksikal ‘rebung’ dirujuksilangkan dengan leksikal ‘hati-hati’, ‘tajam’ dan ‘sakit perut’. Merujuk KD4 (2005), hati-hati bermaksud teliti dan ingat-ingat. Oleh yang demikian, leksikal ‘hati-hati’ yang terdapat dalam ayat tersebut bolehlah ditakrifkan sebagai satu peringatan. Dalam konteks ayat tersebut, Megat Jazlan mengingatkan Siti supaya beringat-ingat ketika makan ‘rebung’ kerana sifatnya yang ‘tajam’. Berdasarkan ayat (i), Megat Jazlan turut menyatakan kesan memakan ‘rebung’, iaitu sakit perut. Berdasarkan RRS yang telah dilakukan, ‘rebung’ dalam konteks ayat ini telah digagaskan sebagai ‘makanan berunsur tajam’ sehingga boleh menyebabkan sakit perut jika memakannya tanpa beringat.

Data korpus dalam ayat (ii) pula merupakan bukti linguistik yang memperlihatkan peribahasa ‘rebung memang tak jauh dari rumpun’, yang merujuk kepada ‘tabiat anak tak akan jauh berbeza dengan orang tuanya. Salah satu konsep penting yang diperkenalkan oleh Kempson (1986) dalam teori Relevans ialah rangka rujuk silang. RRS merupakan sesuatu ujaran yang tidak mempunyai anteseden yang daapat mengaitkan ayat kedua dengan ayat pertama dalam satu wacana bagi membantu pendengar mentafsir ujaran tersebut. Kadang-kadang maklumat awal tentang apa-apa yang diperkatakan tidak wujud dalam ujaran yang didengar, tetapi premis tambahan mampu menginterpretasi sesuatu makna. Premis tambahan ini diperolehi daripada konteks ujaran tersebut. Berdasarkan contoh ayat (ii), peribahasa ‘rebung memang tak jauh dari rumpun’ boleh difahami konsep dan maknanya melalui premis tambahan yang mendahuluinya. Berdasarkan RRS yang dilakukan, wujud beberapa premis tambahan bagi peribahasa ini, yang membolehkan seseorang memproses maklumat melaluinya.

Dalam ayat tersebut, maklumat tambahan yang merujuk 'rebung' boleh dirujuk silang dengan frasa 'anak dia'. Berdasarkan premis tambahan tersebut, usaha memproses mudah dilakukan kerana kedua-dua frasa tersebut mempunyai persamaan maklumat, iaitu rebung dan anak, serta ayahnya dan rumpun. Rumpun dalam situasi ini dikaitkan dengan buluh. Rebung yang merupakan buluh muda telah dinukilkan sebagai anak, manakala rumpunya (buluh) telah dinukilkan sebagai ayahnya. Konteks ayat ini menunjukkan si 'anak' tersebut telah mengikut jejak langkah si 'ayah' yang merupakan seorang penagih dadah dan sering keluar masuk penjara. Berdasarkan huraian tersebut, jelas dalam peribahasa 'rebung memang tak jauh dari rumpun' telah menggagaskan makna abstrak kepada konkrit melalui perlambangan tabiat bagi merujuk tabiat negatif seseorang. Oleh sebab itu, ungkapan peribahasa yang bersifat konkrit ini berubah menjadi makna abstrak 'tabiat manusia'. Sungguhpun begitu, analisis peringkat kognitif ini tidak dianggap memadai kerana masih tidak dapat mencungkil falsafah dan akal budi di sebalik pemilihan rebung dan unsur tajam. Maka, semantik inkuisitif diajukan sebagai landasan huraian yang lebih mendalam pada peribahasa ini.

Analisis perbincangan menunjukkan pengaruh unsur makanan dalam rebung telah dinukilkan oleh masyarakat Melayu pada masa dahulu dan dibiarkan kepada sikap atau tabiat. Proses interaksi berterusan antara masyarakat Melayu dan persekitaran buluh telah melahirkan satu ruang yang cukup istimewa dalam pemikiran sehingga masyarakat menjadikan buluh sebagai salah satu objek contoh untuk membentuk sistem nilai, norma dan pengajaran dalam kehidupan. Pengabstraksian yang diberikan banyak dipengaruhi oleh sifat tumbuhan induknya, iaitu buluh. Walaupun buluh mempunyai pelbagai fungsi dalam kehidupan manusia, namun di sebalik kepelbagaian fungsinya, tumbuhan ini turut menunjukkan ciri-ciri 'tajam' sehingga mempengaruhi minda masyarakat Melayu. Masyarakat Melayu mempercayai bahawa buluh ditakuti oleh pelbagai jenis ular yang berbisa. Oleh yang demikian, tidak hairanlah, seandainya sesetengah rumah diselitkan beberapa batang tiang buluh yang bertujuan menjauhkan rumah mereka daripada dimasuki ular. Selain itu, masyarakat Melayu juga mempercayai buluh runcing sahaja yang boleh menembusi dan membunuh orang yang mengamalkan ilmu kebal (Mohd. Nor 1990). Selain ciri-ciri 'tajam' yang dilihat melalui kepercayaan masyarakat Melayu, ciri-ciri 'tajam'

juga terserlah melalui sifat-sifat fizikal tumbuhan ini. Jika diamati strukturnya, buluh mempunyai daun yang tajam dan berbentuk runcing. Sifat buluh yang mempunyai daya ketahanan yang tinggi menyebabkan tumbuhan ini dijadikan sebagai senjata seperti lembing, panah, pisau sembilu dan ranjau. Di samping itu, banyak juga alat memburu tradisional yang diperbuat daripada buluh, seperti tombak, sumpit dan panah.

Selain pengaruh tumbuhan induknya, kandungan rebung turut mengandungi ciri-ciri tajam dan berbahaya terhadap kesihatan. Rebung merupakan anak buluh yang muda. Jika diperhatikan struktur pertumbuhannya, rebung terdiri daripada ruas lembut yang pendek dan dilindungi oleh kelopak batang yang keras berlapis serta tumbuh di setiap buku yang terletak bersebelahan antara satu dengan lain (Azmy 2015). Rebung dilindungi oleh kelopak yang mengandungi bulu-bulu, halus yang dinamakan sebagai miang (Sapinah 2013). Miang pada rebung boleh melindunginya daripada kerosakan yang disebabkan oleh serangga. Sifat miangnya tebal, tajam dan gatal jika terkena pada permukaan kulit. Sifat miang yang tajam, membuatkan miang rebung digunakan sebagai bahan dalam santau (Amran 1991). Lukut dan miang rebung digunakan sebagai ramuan untuk santau, iaitu sejenis racun yang dimasukkan ke dalam makanan dan minuman atau dikirim melalui angin dengan tujuan mengkhianati seseorang (Mohd. Nor 1990). Terdapat tiga jenis bahan utama yang digunakan untuk menyediakan santau. Bahan-bahan ini terdiri daripada benda-benda gatal (miang), bisa dan pedih.

Selain unsur tajam yang terdapat dalam miang rebung, rebung juga merupakan makanan yang diklasifikasikan sebagai makanan tajam berdasarkan kandungannya. Terdapat kajian yang membuktikan bahawa rebung mengandungi glikosida sianogenik yang dikenali sebagai taksifilin (*taxiphyllin*). Glikosida yang menghasilkan asid hidrosianik (HCN) apabila dihidrolisis dikenali sebagai glikosida sianogenik (Tik et al. 2015). Getah yang terdapat dalam rebung didapati mengandungi glikosida yang mengandungi HCN. Walau bagaimanapun, tahap HCN dalam setiap rebung adalah berbeza, iaitu ada yang tinggi dan ada yang rendah. Berikut merupakan tahap bahaya kandungan HCN mengikut jumlahnya:

1. Tidak berbahaya dengan tahap <50 mg HCN/kg pucuk buluh
2. Berbahaya sedikit dengan tahap > 50-80 mg pucuk HCN/kg buluh
3. Toksik dengan tahap > 80-100mg HCN/kg pucuk buluh
4. Sangat berbahaya HCN > 100mg/kg pucuk buluh

Rebung yang mempunyai rasa pahit merupakan rebung yang mengandungi sianida tinggi. *β-glycosidase* yang dilepaskan dalam tisu rebung akan bertindak balas ke atas taksifilin untuk menghasilkan hidrogen sianida (HCN) yang berbahaya (Nongdam & Leimapokpam 2014). Gejala keracunan sianida termasuklah penyempitan saluran pernafasan, loya, muntah-muntah dan sakit kepala (FSANZ 2004). Walau bagaimanapun, terdapat prosedur yang boleh digunakan bagi mengelakkan keracunan yang disebabkan oleh kandungan sianida. Kajian mendapati, dengan merebus rebung dalam air panas yang mempunyai suhu 100 darjah, berkesan menghapuskan sebanyak 97% kandungan sianida (Ferreira et al. 1995). Selain itu, terdapat cara yang lebih mudah untuk mencegah keracunan rebung, iaitu dengan menghiris nipis dan merebusnya dalam air mendidih dengan tambahan sedikit garam selama lebih kurang 10 minit (Rana et.al 2012). Proses ini akan menyebabkan komponen toksik dan rasa pahit yang terdapat dalam rebung tersebut boleh dikeluarkan dan selamat untuk dimakan.

Di manakah akal budinya? Mengapa rebung dipilih dan mengapa unsur tajam dikaitkan dengan perilaku dan peribadi anak seperti peribahasa di atas. Unsur tajam sangat membahayakan kesihatan. Bukan itu sahaja, struktur luaran rebung dan buluh juga menjadi ancaman kepada manusia jika tersilap mengendalikannya. Bahaya itu sama dengan bahayanya jika didikan lalai yang diberikan kepada anak-anak. Buluh yang tidak dilentur daripada rebung akan menjadi liat, lebih tajam yang boleh melukakan dan miang yang menyakitkan. Hal ini sama dengan salah didikan yang diberikan kepada anak. Anak bakal menjadi racun kepada keluarga jika bersifat degil, menyakitkan hati dan kerap melukakan perasaan ibu dan bapa. Bagaimana pula perangai 'nakal' ini dikaitkan dengan dekatnya rebung dan rumpunnya? Peri dekatnya rebung dan rumpun sama dengan peri dekatnya hubungan antara anak dengan ibu bapanya. Semua yang dilakukan oleh orang tua akan dicontohi oleh anak-anak. Jika dirunut kembali kandungan serta struktur rebung ini, akan terlihat kebijaksanaan orang tua-tua dahulu dalam membuat analogi ini. Kebijaksanaan membuat analogi

inilah yang dikatakan akal budi Melayu. Ibarat pepatah ‘kalau asal benih yang baik jatuh ke laut menjadi pulau, terlontar ke udara menjadi kejora, dicampak ke bumi menjadi penawar’. Begitulah juga diibaratkan dengan didikan. Didikan yang betul dan sewajarnya akan membentuk keperibadian dan sahsiah yang baik dalam diri anak-anak, manakala didikan yang salah akan membentuk tabiat yang tidak baik kepada mereka. Ibu bapa perlu menanamkan nilai-nilai murni dalam diri anak-anak supaya mereka boleh menempuh kehidupan dengan sempurna. Selaras dengan hadis Rasulullah SAW yang bermaksud:

Setiap anak dilahirkan dalam keadaan suci (bersih), maka ibu dan bapanya yang mencorakkannya menjadi Yahudi, Nasrani atau Majusi.

(Abu Daud 1387H)

Oleh itu, ibu bapa berperanan sebagai pemberi nasihat, tunjuk ajar dan bimbingan dengan menegur perbuatan anak-anak sekiranya terdapat perbuatan yang melanggar batasan agama Islam. Begitu juga halnya dengan ‘rebung’. Walaupun tumbuhan ini boleh dijadikan makanan, namun pengolahan yang salah, boleh menyebabkannya menjadi ‘racun’ dan memudaratkan kesihatan, manakala pengolahan yang betul, boleh menjadikannya makanan yang enak buat penggemarnya.

## Ubi (Gadung) Unsur Makanan Berangin

Ubi Gadung atau nama saintifiknya, *dioscorea daemonia* atau *dioscorea hispida*, merupakan sejenis tumbuhan herba yang tersebar luas di banyak bahagian Asia, Afrika dan Eropah (Torkelson, A. R. 1995). Ubian ini mengandungi “diosgenin” ketika diproses, yang bertindak menghasilkan hormon progesteron atau hormon herba (Ahmad Daud et. al 2016). Ubi gadung ialah sejenis makanan daripada sumber ubi-ubian. Walau bagaimanapun, ubi gadung bukanlah daripada spesies ubi kayu. Ubi gadung hidup dengan cara menjalar dan memanjat serta mempunyai kadar ketinggian kira-kira lima hingga 20 meter. Ubi gadung juga mempunyai daun seakan-akan daun sireh (Ahmad Daud et al. 2016). Batang ubi gadung pula kelihatan kurus dan berduri. Ubi ini kebiasaannya tumbuh di kawasan belukar dan boleh hidup bertahun-tahun lamanya. Sama seperti jenis-jenis ubi yang lain, misalnya ubi



kayu, ubi keledek dan ubi keladi, ubi gadung juga membesar di dalam tanah. Dalam ungkapan Melayu, ditemukan beberapa peribahasa yang menjadikan ubi gadung sebagai objek. Jadual 10.2 menunjukkan data peribahasa yang berobjekkan ubi gadung.

JADUAL 10.2: Peribahasa berobjekkan 'gadung'


Peribahasa	Makna
Bak rasa ubi pula gadung.	Orang yang miskin dan hina melakukan dirinya seperti orang yang mulia untuk mendapatkan pujian atau sedikit kesenangan.
Seperti mabuk gadung.	Orang yang lemah dan pucat kerana menghidap penyakit.
Tahu gadung itu mabuk mengapa diratah-ratah.	Sengaja mencari perselisihan kemudian menyesali.

Sumber: [www.prpm@dbp.gov.my](http://www.prpm@dbp.gov.my)

Ubi gadung merupakan sejenis makanan yang menjadi sumber karbohidrat, sama seperti jenis-jenis ubi yang lain. Bagi masyarakat Melayu, ubi ini sangat dikenali oleh penduduk yang tinggal di pantai timur, Kedah serta di kepulauan Borneo, khususnya pada musim tengkujuh. Rasa ubi gadung yang unik menyebabkan ramai yang menggemarnya, walaupun usaha diperlukan untuk memprosesnya menjadi makanan. Bagi masyarakat Melayu, ubi-ubian ialah makanan yang berangin (Che Wan Jasimah 2009). Berdasarkan ketiga-tiga peribahasa yang ditunjukkan dalam Jadual 9.2, objek 'gadung' meletakkan makanan ini di kedudukan yang rendah serta meninggalkan 'kesan'. Dalam peribahasa 'bak rasa ubi pula gadung', ubi ini telah dibandingkan dengan ubi (merujuk jenis ubi selain ubi gadung). Walaupun gadung turut merupakan sejenis ubi, namun ubi ini dianggap lebih rendah kualitasnya berbanding jenis ubi-ubian lain. Begitu juga dengan peribahasa kedua, iaitu 'seperti mabuk gadung'. Peribahasa ini sangat jelas menunjukkan bahawa gadung merupakan sejenis makanan yang boleh memabukkan sehingga dicipta peribahasa bagi merujuk fizikal orang yang lemah dan pucat kerana menghidap penyakit. Begitu juga dengan peribahasa yang ketiga, iaitu 'tahu gadung itu mabuk, mengapa diratah-ratah'. Peribahasa ini juga seperti peribahasa kedua,

menunjukkan ubi ini sejenis makanan yang memabukkan. Perbuatan memakan makanan ini telah dikonotasikan dengan ‘sengaja mencari perselisihan’. Ketiga-tiga peribahasa ini secara jelas menunjukkan bahawa pengaruh makanan ini dalam meninggalkan ‘kesan’, iaitu dari segi darjat, fizikal mahupun perbuatan. Hal ini adalah sejajar dengan jenis ubian ini yang boleh mendatangkan kesan yang tidak baik terhadap aspek kesihatan seandainya tidak diolah dengan cara yang betul.

Perbincangan seterusnya akan menumpukan peribahasa ‘bak rasa ubi pula gadung’ yang membawa makna ‘orang yang miskin dan hina melakukan dirinya seperti orang yang mulia untuk mendapatkan pujian atau sedikit kesenangan’. Rajah 10.3 merupakan gambaran yang menunjukkan proses kognitif penutur Melayu dalam mencipta peribahasa ini.



RAJAH 10.3: Proses kognitif peribahasa ‘bak rasa ubi pula gadung’

Peribahasa ini dilihat sangat mudah difahami kerana menggunakan unsur perbandingan secara langsung. Dalam konteks ini, ubi yang dimaksudkan dalam peribahasa merujuk jenis ubi secara umum. Terdapat beberapa jenis ubi yang terkenal bagi masyarakat Melayu seperti ubi kayu, ubi kentang, ubi keladi serta ubi keledek (Hean

Choon Ong 2003). Ubi-ubian ini kebiasaannya dimakan dengan cara direbus, dijadikan hidangan sayur, dibuat pengat, digoreng mahupun dibuat kuih. Keenakan dan kelazatan ubi menjadikan masyarakat Melayu mencipta pelbagai makanan berteraskan ubi. Walaupun ubi bukanlah makanan ruji bagi masyarakat Melayu, tetapi nilai ubi ini sangat tinggi pada zaman pemerintahan Jepun di Tanah Melayu suatu ketika dahulu. Sewaktu zaman pemerintahan Jepun, Tanah Melayu telah mengalami kegawatan ekonomi. Bagi mengelakkan kelaparan dan kebuluran, ubi kayu telah dijadikan makanan asasi pada masa tersebut, memandangkan ubi kayu mudah diperolehi dan dihasilkan (Mohammad Syazwanuddin 2016).

Walaupun gadung merupakan sejenis ubi-ubian, namun ubi ini berlainan dengan jenis ubi yang lain. Gadung merupakan sejenis tumbuhan liar, yang biasanya didapati di dalam hutan. Rasa ubi ini juga tidak sama dengan ubi-ubian jenis lain yang mempunyai rasa yang lebih manis, lemak dan enak, sedangkan ubi gadung mempunyai rasa yang pahit (Yakub Sumardjo 2008), dan memerlukan proses tertentu, sebelum dijadikan sebagai makanan. Kesulitan untuk mengolah ubi ini sebelum dimakan, di samping rasanya yang kurang enak berbanding dengan jenis ubi-ubian lain telah menyebabkan masyarakat Melayu merefleksikan ubi gadung sebagai 'orang yang miskin dan hina', manakala 'ubi' pula telah direfleksikan sebagai 'orang yang mulia'. Berdasarkan huraian yang dikemukakan, jelaslah menunjukkan gambaran tentang proses kognitif yang berlaku di sebalik penciptaan peribahasa 'bak rasa ubi pula gadung'. Peribahasa ini yang memberikan gambaran tentang sifat seseorang yang ingin kelihatan seperti orang yang mulia semata-mata untuk mendapatkan pujian, walaupun hakikatnya merupakan seorang yang hina. Selanjutnya, bagi menghurai makna peribahasa ini dengan lebih lanjut, analisis berikut dilakukan dengan menggunakan RRS.

- (i) Kampung itu masih juga kaya dengan kemiskinan. Dan waktu sudah tua, ibu masih ke hutan mendaki bukit mengorek \*\*\*ubi gadung\*\*\*. Masih pugar tanah huma waktu tua bagaikan makna tua bagi ibu memang tidak

- (ii) Kehidupan rakyat begitu *miskin* dan menyedihkan. Sangatlah jarang orang yang mengenakan kain katun biasa. Sekadar untuk mengalas perut, mereka mencari bahan *makanan* yang pada masa sebelumnya tidak lazim dikonsumsi. \*\*\**Gadung*\*\*\* yang mengandung racun kalau pengolahannya tidak benar, sudah terbiasa dijadikan menu sehari-hari.

[Tjetje H. Padmadinata. Setengah abad perlawanan, 1955-2005]

Ayat (i) dan (ii) merupakan contoh penggunaan ‘gadung’ yang ditemui dalam data korpus. Berdasarkan ayat (i), ubi gadung dirujusilangkan dengan ‘kemiskinan’, ‘tua’ dan ‘hutan’. Hal ini membuktikan bahawa ubi ini bukan menjadi tanaman pilihan kecuali tumbuh sendiri di dalam hutan. Situasi yang cuba dijelaskan dalam ayat ini, ialah ubi gadung merupakan makanan untuk orang miskin. Hal ini dijelaskan melalui gambaran seorang wanita yang sudah tua masih lagi mencari ubi gadung, sedangkan ubi gadung tumbuh liar di dalam hutan. Bagi seseorang yang tiada mempunyai sumber pendapatan, sudah semestinya hutan merupakan tempat untuk mereka mendapatkan sumber bekalan makanan. Dalam ayat (ii), ubi gadung telah dirujuk silangkan dengan ‘kehidupan rakyat yang miskin’, ‘makanan’, ‘tidak lazim dikonsumsi’ serta ‘dijadikan menu sehari-hari’. Konteks ayat ini sangat jelas menunjukkan bahawa gadung merupakan sejenis makanan yang dimakan oleh mereka yang bertaraf miskin. Walaupun gadung mempunyai racun dan tidak seharusnya diambil, namun bagi orang yang miskin, ubi gadung bukanlah makanan yang luar biasa kerana makanan ini tetap dijadikan sebagai sumber makanan sehari-hari, walaupun makanan ini memerlukan usaha untuk memprosesnya. Kegagalan memproses ubi ini dengan cara yang betul boleh menyebabkan seseorang yang memakannya akan keracunan dan ‘mabuk’ seolah-olah mereka sedang meminum minuman keras atau sedang dalam pengaruh dadah.

Berdasarkan huraian yang dikemukakan, peribahasa ‘bak rasa ubi pula gadung’, dimotivasikan oleh ‘sifat makanan’ ini. Ciri-ciri makanan berubi yang dianggap sebagai makanan ‘berangin’ telah menyebabkan gadung dikaitkan dengan sifat hina seperti yang telah digambarkan dalam peribahasa ‘bak rasa ubi pula gadung’. Pengambilan makanan yang mengandungi unsur ‘angin’ seperti makanan berubi boleh

memudaratkan kesihatan, misalnya kembung perut, muntah-muntah, pening dan mual, panas ulu hati, senak dan lain-lain (Junaenah 2005). Gejala penyakit ini akan menyerang dengan mudah seseorang yang memakan makanan ini, terutamanya bagi mereka yang mempunyai jenis badan yang banyak angin atau penghidap gastrik yang kronik. Kesan negatif daripada memakan makanan yang mengandungi unsur 'berangin' menyebabkan masyarakat Melayu telah menukilkannya di dalam peribahasa sebagai sesuatu yang tidak baik, seperti 'lakonan' dan 'sengaja mencari perselisihan' yang boleh mendorong kepada kesan yang tidak baik dalam kehidupan.

Menerusi perbincangan sebelum ini, dapat dilihat keserasian antara unsur makanan yang dikandung oleh ubi gadung dengan makna harfiah yang terdapat dalam peribahasa Melayu. Dalam peribahasa yang berobjekkan 'ubi gadung', perkara yang jelas ditunjukkan adalah ketelitian orang Melayu terhadap pemilihan objek berdasarkan penilaian yang berorientasikan pengalaman hidup mereka. Pengaruh makanan 'berangin' ini telah diserapkan ke dalam peribahasa. Terdapatnya keserasian antara pemilihan objek dengan makna atau subjek yang cuba disampaikan secara tersirat dalam peribahasa. Kedua-duanya adalah melibatkan 'kesan'. Makanan yang berangin seperti ubi-ubian yang dimakan secara jelasnya memberikan kesan negatif terhadap aspek kesihatan individu yang memakannya. Begitu juga dengan subjek yang telah diutarakan dalam peribahasa tersebut, yang kesemuanya masih juga berkisarkan 'kesan', sama ada kesan daripada sifat atau perilaku yang tidak baik, mahupun kesan yang ditunjukkan melalui gambaran fizikal orang yang sakit.

Sungguhpun huraian kognitif dapat memberikan jawapan cara orang Melayu menukilkkan sesuatu objek yang konkrit kepada abstrak, namun satu persoalan yang timbul ialah mengapa orang Melayu memilih ubi *gadung* bukannya ubi-ubian lain? Persoalan ini telah menunjukkan bahawa penciptaan peribahasa bukan dibuat sewenang-wenangnya, tetapi merupakan satu ketelitian daripada ketajaman minda serta pengalaman yang luas orang Melayu dalam berinteraksi dengan tabiat atau unsur yang dikandung oleh sesuatu makanan dapat menghasilkan peribahasa yang berunsurkan sindiran.

Bagi masyarakat Melayu, ubi *gadung* boleh dimakan dengan cara direbus, dimakan dengan kelapa parut, dikukus dengan pulut atau boleh juga dimakan setelah dijadikan kerepek (Kosmo 2015). Walaupun ubi

gadung terkenal sebagai makanan yang boleh memabukkan sehingga terciptanya peribahasa ‘mabuk gadung’, namun ubi ini masih tidak menghalang penggemarnya untuk menikmatinya. Walaupun ubi gadung sinonim dengan ‘kemiskinan’, namun masih terdapat masyarakat yang tinggal di kampung mencari ubi ini untuk dijadikan makanan. Bukan itu sahaja, makanan ini juga masih terkenal untuk masyarakat yang tinggal di pantai timur seperti di negeri Kelantan dan Terengganu, terutamanya pada musim tengkujuh (Kosmo 2015).

Penukilan ‘kesan’ yang tidak baik terhadap peribahasa yang berobjekkan makanan ini didorong oleh faktor-faktor tertentu seandainya diamati dan diteliti berdasarkan ilmu sains. Walaupun segala ubi-ubian terkenal dengan sifat ‘angin’ yang dikandungnya, namun terdapat satu lagi ciri khas yang telah mendorong masyarakat Melayu menukikan kesan negatif terhadap jenis ubi ini, iaitu mengandungi ‘toksik’ dan boleh memabukkan individu yang memakannya (Indah Hartati et al. 2010). Dalam kajian yang telah dilakukan, ubi gadung (*Dioscorea hispida*) disahkan mengandungi dioskorina alkaloid (*alkaloid dioscorine*) dan diskorisina (*dioscoricine*) (Nornasuha et al. 2012). Selain mengandungi dioskorina alkaloid dan dioscoricine, ubi gadung juga didapati mengandungi Asid Sianida (HCN) yang dapat memberikan kesan negatif terhadap aspek kesihatan bagi individu yang memakannya (Siwi & Teti 2015). Alkaloid dan Asid Sianida (HCN) yang terdapat dalam ubi gadung, akan menyebabkan seseorang itu sakit tekak, muntah darah, kesukaran bernafas, mengantuk serta keletihan yang teramat sangat. Keracunan yang lambat dirawat boleh menyebabkan kematian seawal enam jam setelah memakan ubi ini (Tik Mohamad et al. 2001).

Jika diteliti secara akhiah, setiap kejadian yang dicipta oleh Allah SWT mempunyai hikmah yang tersendiri. Allah mencipta keseluruhan alam ini dengan penuh kesempurnaan. Setiap tumbuh-tumbuhan dan buah-buahan yang dijadikan oleh-Nya merupakan bentuk rezeki yang diturunkan kepada makhluk-Nya, seperti yang terkandung dalam surah al-Baqarah ayat yang ke-22 yang bermaksud:

Dialah yang menjadikan bumi sebagai hamparan bagimu dan langit sebagai atap, dan Dia menurunkan air (hujan) dari langit, lalu Dia menghasilkan dengan hujan itu segala buah-buahan sebagai rezki untukmu; kerana itu janganlah kamu mengadakan sekutu-sekutu bagi Allah, padahal kamu merzgetahui.

Walaupun kandungan ubi gadung secara saintifiknya boleh memudaratkan kesihatan, namun masyarakat Melayu mempunyai cara yang tersendiri untuk mengatasinya. Pengolahan dengan cara yang betul, membolehkan masyarakat Melayu dan menikmati rasa ubi ini. Antara cara masyarakat Melayu menentukan kadar racun yang terdapat dalam ubi gadung adalah melalui ayam. Ubi gadung yang diberikan kepada ayam boleh berupa sebelum diproses atau setelah diproses. Sekiranya ayam yang memakan ubi gadung itu masih hidup, maka ubi gadung yang diambil itu selamat untuk dimakan. Walau bagaimanapun, seandainya ayam yang memakan ubi itu mati, maka ubi gadung yang diambil itu tidak selamat untuk dimakan (Kosmo 2015). Selain itu ubi gadung yang telah diproses juga boleh direndam di dalam air garam semalaman atau lebih, sebelum direndam di dalam air biasa. Proses ini mengambil masa kira-kira empat hingga enam hari, bergantung kepada tahap kandungan racun yang terdapat dalam ubi itu. Rendaman ubi gadung dalam air sungai juga boleh dilakukan bagi memudahkan proses penutralan racun yang terdapat dalam ubi gadung (Evan, I. H. 1968).

Penciptaan peribahasa oleh masyarakat Melayu adalah melalui pengamatan yang tinggi terhadap kejadian alam. Peribahasa yang berobjekkan gadung ialah pancaran daripada 'kesan' memakan ubi gadung. Sifat dan ciri-ciri ubi-ubian yang berangin ditambah ciri khas 'ubi gadung' yang mengandungi 'racun' menyebabkan terdapatnya pengaruh sifat ini terhadap subjek dan makna harfiah yang terkandung dalam peribahasa yang berobjekkan 'gadung'. Peribahasa yang dicipta ini berbentuk 'sindiran' yang diungkapkan secara tersirat bagi menyedarkan masyarakat Melayu sewaktu pembentukan peribahasa ini. Ubi gadung yang dimakan tanpa ilmu dan pengetahuan pasti boleh memudaratkan individu yang memakannya. Begitu juga halnya dengan ajaran yang terkandung dalam peribahasa tersebut. Sindiran yang dilakukan secara tersirat melalui peribahasa 'bak rasa ubi pula gadung' adalah untuk menyedarkan manusia supaya tidak terus-menerus menjadi seorang yang hipokrit semata-mata untuk mendapatkan pujian di mata dunia. Begitu juga yang terkandung dalam peribahasa 'tahu gadung itu mabuk mengapa diratah-ratah' yang berunsur sindiran yang berbentuk didaktik bertujuan mengelakkan diri daripada sesuatu perselisihan, seandainya seseorang itu mengetahui punca yang akan menyebabkan perselisihan. Demikianlah akal budi

Melayu yang dapat mengaitkan kesan buruk ubi gadung dengan kesan buruk yang akan menimpa orang yang memakannya jika tidak berhati-hati. Ketajaman pemikiran orang Melayu pada zaman dahulu yang bersandarkan falsafah hidup bukan sahaja bersandarkan pengamatan serta pengetahuan berhubung dengan alam semula jadi, tetapi merupakan satu pegangan agama yang kuat berpandukan ajaran Allah SWT.

## Kesimpulan

Kepintaran dan kefahaman masyarakat Melayu meluahkan kata-kata melalui janaan idea bersumberkan sesuatu yang ada dikeliling mereka dibuktikan dengan kewujudan beribu-ribu rangkaian peribahasa. Masyarakat Melayu cekap dalam memahami kandungan atau sifat sesuatu benda. Hal ini telah menunjukkan bahawa masyarakat Melayu telah mempunyai tamadun budaya pemikiran yang tinggi. Objek, falsafah dan akal budi penuturnya digarap sekali hanya melalui peribahasa. Masyarakat Melayu pada masa dulu telah mengadaptasi peribahasa daripada pelbagai aktiviti kehidupan. Justeru, banyak pengajaran yang boleh dicungkil di sebalik peribahasa. Aras pemikiran yang tinggi telah menuntut pemahaman setiap aspek pemilihan kata dalam peribahasa. Hakikatnya, penciptaan peribahasa bukanlah bersifat sewenang-wenang, tetapi merupakan satu ketelitian daripada ketajaman minda serta pengalaman yang luas terhadap sesuatu perkara. Ilmu yang digarap daripada peribahasa merupakan ilmu yang beracukan pemikiran. Kajian yang berlandaskan korpus dan semantik inkuisitif telah berjaya membuktikan bahawa wujudnya hubungan antara makanan, rupa objek dengan unsur-unsur makanan seperti unsur tajam dan berangin.



---

# *Kiasan, Kognitif dan* *Akal Budi Melayu*

---

Kajian mengenai bahasa kiasan seolah-olah tidak relevan dalam konteks hari ini. Namun falsafah di sebalik penggunaan objek dan maknanya telah menjadikan ia sangat menarik untuk dikaji khususnya peribahasa Melayu. Pencungkilan makna menggunakan kerangka teori yang terkini mampu menjelaskan hubungan makna dengan minda penutur Melayu, malah pada satu tahap lagi, iaitu akal budi Melayu. Seawal abad ke-19, peribahasa telah diakui oleh sarjana Barat sebagai cerminan akal budi masyarakat Melayu. Maka, tidak hairanlah sehingga pada hari ini, peribahasa tetap mendapat perhatian sarjana dalam dan luar negeri. Objek dalam peribahasa jelas diasaskan pada persekitaran masyarakatnya. Flora dan fauna dapat dikaitkan dengan sikap, sifat dan pemikiran penuturnya. Walau bagaimanapun, kehebatan peribahasa terpahat juga pada domain kehidupan seperti seni bina, gastronomi, maritim, ekonomi, pendidikan dan banyak lagi. Keluwesan ungkapan pemikiran melalui peribahasa telah menjadikan ia subjek yang terus relevan untuk dikaji.

NOR HASHIMAH JALALUDDIN, PhD, Profesor di Program Linguistik, Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Beliau mengkhusus dalam bidang semantik dan pragmatik. Bidang kajian beliau adalah antar-muka semantik, pragmatik dan tatabahasa, leksikografi, linguistik korpus dan akal budi Melayu. MASLIDA YUSOF, PhD, Profesor Madya di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM. Bidang pengkhususan dalam bidang Semantik dan Pragmatik. Kini, beliau banyak menyelidik mengenai jati diri remaja Malaysia khususnya remaja Melayu.

